

**SULIT**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**NO. SOALAN : 354**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah status Taman Herba di Tasik Kenyir, Terengganu dan apakah sumbangan taman ini kepada penghasilan produk kesihatan di negara ini.

**SULIT**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Taman Herba yang terletak di Pulau Sah Kecil, Tasik Kenyir telah dibangunkan berkonsepkan 3P, iaitu Pelancongan, Pendidikan dan Penyelidikan, sejak tahun 1999 dengan lebih 243 spesies tumbuhan ubatan dan beraroma termasuk herba.

Taman ini merupakan salah satu produk pelancongan yang dibangunkan secara terancang dan bersepadu hasil kerjasama antara KETENGAH dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan objektif Taman Herba sebagai Tapak Konservasi Herba. Taman ini merupakan sumber rujukan dan pendidikan melalui *edu-tourism* serta berperanan sebagai pusat penyelidikan yang boleh dimanfaatkan oleh pengunjung/pelancong khususnya bagi pembangunan produk herba untuk kesihatan kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) dan Jabatan/Agensi yang berkaitan.

Selain itu, Taman Herba juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti laluan pejalan kaki, laluan batu refleksologi, taman mini, arboretum, pusat interpretatif, pusat pentadbiran, wakaf tinjau, jambatan (menghubungi Pulau Sah Kecil dan Pulau Sah Besar), jeti, tandas awam, rumah semaian, *potting house*, pelantar terbuka/kafeteria, bilik spa dan sauna, wakaf urutan dan 10 unit chalet yang masih dalam pelaksanaan.

KETENGAH sentiasa membuka ruang dan peluang kepada mana-mana institusi dan jabatan/agensi berkaitan kerjasama berterusan dalam mempromosi Taman Herba. Pada masa ini, KETENGAH sedang bekerjasama dengan pihak Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui

## **SULIT**

Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) bagi menyediakan satu aplikasi sistem maklumat berkaitan spesis-spesis herba yang boleh diakses secara *web-based* bertujuan untuk pembelajaran dan kajian yang boleh membantu mana-mana pihak yang berminat dalam penghasilan produk kesihatan.